

24 JUL 2002

Mahathir-Komputer

MALAYSIA DALAM SENARAI NEGARA ICT ULUNG DUNIA

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) telah menyenaraikan Malaysia sebagai antara pusat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT hub) terulung di dunia.

Perdana Menteri berkata dalam laporan UNDP tahun lepas, kedudukan negara ini di bidang ICT adalah setanding dengan Lembah Silikon dan Boston di Amerika Syarikat, Stockholm-Kista di Sweden, Dublin di Ireland dan Bangalore di India.

"Walaupun negara kita telah mencapai kemajuan ICT yang menggalakkan, kita seharusnya mengkaji ruang-ruang yang patut kita isi supaya pencapaian ICT kita bertambah rancak," katanya ketika melancarkan komputer nasional keluaran kumpulan DRB-Hicom yang diberi nama "Komnas" di sini.

Dr Mahathir berkata bilangan komputer peribadi (PC) yang dimiliki rakyat Malaysia meningkat dengan ketara kepada 2.5 juta tahun lepas berbanding 610,000 pada 1995 manakala bilangan pelanggan internet meningkat daripada 13,000 pada 1995 kepada 1.2 juta pada tahun lepas.

Bagaimanapun, beliau tidak berpuas hati berikutan bilangan penduduk luar bandar yang tidak mempunyai PC dan laluan internet yang masih tinggi.

Katanya, kerajaan dengan kerjasama pihak swasta akan terus melaksanakan usaha bagi memastikan kawasan luar bandar mendapat infrastruktur ICT bagi merapatkan jurang digital dan membolehkan semua penduduk memperoleh maklumat dan pengetahuan.

Dr Mahathir berkata walaupun jurang digital disebabkan oleh beberapa sebab, faktor yang penting ialah harga yang berkait rapat dengan keupayaan memiliki PC.

Komputer Komnas berharga RM1,899 itu menggunakan dua bahasa iaitu Melayu dan Inggeris. Ia menggunakan konsep "open source" yang berasaskan konsep Linux.

Beliau berkata DRB-Hicom juga membuat susunan pinjaman dengan beberapa institusi kewangan bagi membolehkan bayaran bulanan pinjaman kurang RM50 sebulan terutama bagi kakitangan kerajaan dan anggota koperasi.

"Semakin rendah harga PC, semakin ramai penduduk negara kita yang berupaya memiliki komputer," katanya.

Dr Mahathir berkata Komnas mempunyai aplikasi yang fleksibel mesra pengguna dan disertakan dengan pakej perkomputeran merangkumi laluan internet yang telah disediasambung untuk para pembeli melayari internet.

Sistem aplikasi PC ini disuntik juga dengan beberapa unsur tempatan seperti penekanan kepada ciri kekeluargaan, katanya.

Menurutnya lagi, produk-produk ICT berasaskan Linux menjadi satu alternatif dalam menyediakan sistem operasi dan aplikasi PC dan beberapa syarikat ICT terbesar di dunia seperti IBM, Intel, Sun Microsystem dan Oracle telah menggunakan konsep itu.

Selain itu, Dr Mahathir mencadangkan supaya DRB-Hicom dan anak syarikatnya DH-Infotech melaksanakan program bagi mengembangkan infrastruktur dan kemudahan ICT di luar bandar dengan melaksanakan projek perintis di beberapa sekolah serta memperkenalkan kaedah perkomputeran yang baru.

"Melalui projek perintis ini DRB-Hicom akan dapat mengetahui lebih lanjut keperluan sekolah daripada segi perisian atau software," katanya.

-- BERNAMA

RZS LIB MAM ZB